

# Nik Aziz akan mohon maaf kepada Dr. M semasa ceramah

Oleh YULPISMAN ASLI

UM 28 SEP 2002

KOTA BHARU 27 Sept. — Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mengakui kesilapannya menuduh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak tahu membaca al-Quran, bersedia untuk memohon maaf kepada Perdana Menteri.

Beliau berkata, permohonan maaf itu akan dibuat semasa berceramah kerana kesalahan tersebut dilakukan dalam keadaan tersebut.

“Tak ada apa, saya bersedia (memohon maaf). Benda yang saya buat salah saya mengaku salah,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas mengetuai solat hajat di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (Putik), hari ini.

Menurut Nik Abdul Aziz beliau bersedia untuk memohon maaf kepada Perdana Menteri kerana mengakui kesilapannya itu.

## Desakan

Sebaliknya, dalam kes mengaitkan Allah sebagai ‘samseng’, beliau menegaskan tidak akan tunduk dengan desakan pihak tertentu yang mahu beliau bertaubat.

“Benda yang saya buat salah saya mengaku salah. Yang tak salah macam kes samseng, saya lawan habis-habisan. Itu saya yakin barang betul pada saya, saya lawan walau pun Menteri suruh saya bertaubat tapi saya lawan kerana saya yakin betul,” tegasnya.

Nik Abdul Aziz yang juga al-Mursyid al-Am Pas menjelaskan, beliau dalam keadaan separuh sedar ketika berceramah sehingga mengakibatkan beliau tersalah cakap apabila mengatakan Dr. Mahathir tidak tahu membaca al-Quran.

Beliau memberitahu, sebelum berceramah di Sekolah Menengah Agama Arab

■ Lihat muka 4

# Nik Aziz akan mohon maaf kepada Dr. M semasa ceramah

UM 28 SEP 2002

Beris Lalang di Bachok, beliau telah tidur dengan begitu nyenyak tanpa beralaskan bantal di rumah seorang lelaki akibat keletihan.

Katanya, sebaik sahaja bangun dan dalam keadaan separuh sedar, beliau telah dibawa ke tempah ceramah serta diminta berceramah.

Tambahnya, keadaan lebih merisaukannya apabila cuaca ketika itu hujan sedangkan beliau seolah-olah menjadi trauma dengan cuaca sejuk kerana mudah mendapat selsema, batuk dan sebagainya.

“Apabila nyenyak betul bila orang kejut saya pergi ceramah, ceramah dalam keadaan separuh tidur... separuh sedar. Jadi keluar benda-benda tak sepatutnya.

“Tabiat tubuh saya ini, kalau dengan hujan saya selalu takut. Jadi saya sudah trauma dengan hujan kerana bila hujan saya selsema, batuk dan macam-macam lagi. Jadi pergi dalam keadaan hujan dan ceramah ketika hujan maka tuan-tuan boleh agak bagaimana jiwa saya belah bagi,” jelasnya.

Nik Abdul Aziz dalam kenyataannya kelmarin mengaku tersalah cakap apabila mengatakan bahawa Dr. Mahathir tidak tahu membaca al-Quran.

Beliau sebaliknya menjelaskan, apa yang hendak dikatakannya ialah Perdana Menteri tidak tahu berbahasa Arab.

Ekoran daripada penjelasannya itu, pelbagai pihak termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mendesak beliau memohon maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri.